

Pengedar tempatan didakwa jual madu mengandungi 47.6 peratus sukrosa

KUCHING: Seorang pengedar tempatan baru-baru ini didenda RM4,000 atau dua bulan penjara jika gagal membayar denda oleh Mahkamah Majistret Dalat di Mukah kerana menjual madu yang mempunyai kandungan sukrosa sebanyak 47.6 peratus.

Majistret Onn Kork Joon mendapati tertuduh bersalah kerana mengedar produk madu yang mengandungi paras sukrosa melebihi had yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Kesalahan itu dilakukan di bawah Seksyen 13B(2)(e) Akta Makanan 1983 yang dibaca bersama Peraturan 130(2)(c) Peraturan-Peraturan Makanan 1985, menurut satu kenyataan Pejabat Kesihatan Bahagian Mukah.

Kes tersebut dikendalikan oleh pegawai pendakwa Elizabeth Sinirisan Chong, menurut pejabat itu, sambil menambah sabitan tersebut mencerminkan keseriusan pihak berkuasa dalam menangani isu keselamatan makanan serta kepentingan melindungi pengguna.

Kenyataan itu memaklumkan persampelan makanan telah dijalankan oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Philip Francis Lichiew, di salah sebuah pasar raya di Dalat.

Menurutnya, sampel terse-

but kemudiannya dihantar ke Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan di Perlis untuk analisis sukrosa.

Keputusan analisis pada Ogos tahun lalu mendapati madu tersebut mengandungi paras sukrosa sebanyak 47.60 peratus, sekali gus melanggar peraturan yang berkaitan.

Siasatan kes telah dijalankan oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Floria Elhoy Tait dengan dibantu oleh Florence Yusuf, menurut pejabat itu.

Di bawah Peraturan 130 Peraturan-Peraturan Makanan 1985, pejabat itu menjelaskan bahawa produk madu mesti mematuhi piawaian yang ditetapkan, termasuk mengandungi tidak kurang daripada 60 peratus gula penurun, mempunyai kandungan sukrosa tidak melebihi 10 peratus dan tidak mengandungi lebih daripada 80mg/kg Hydroxymethylfurfural (HMF).

Seksyen 13(2)(e) memperuntukkan tiada seorang pun boleh menyediakan atau menjual makanan yang tercemar atau tidak mematuhi piawaian atau spesifikasi yang ditetapkan oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta tersebut, jelasnya.

Mereka yang didapati melanggar peruntukan itu, jika disabitkan kesalahan,

boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

“Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga menawarkan Skim Pensijilan Makanan Autentik yang bertujuan memberikan pengiktirafan kepada produk makanan yang disahkan sebagai asli atau tulen serta memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah skim tersebut.

“Ia termasuk produk madu, daging, kopi dan sarang burung yang boleh dimakan. KKM kekal berwaspada dan prihatin terhadap perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna,” katanya.

Pengguna dinasihatkan supaya membaca label produk dan memilih produk makanan yang mempunyai logo Program Jaminan Keselamatan Makanan (FSAP) seperti Authentic, MeSTI, GMP dan HACCP yang dikeluarkan oleh KKM.

Bagi pertanyaan berkaitan isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi pejabat kesihatan daerah terdekat atau Jabatan Kesihatan Negeri atau melayari <http://moh.spab.gov.my> atau laman Facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) di www.facebook.com/bkkmhq.